

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	1 October 2015

KHAMIS • 01.10.2015

berita@utusan.com.my

DALAM NEGERI



**RIBUT
MUSNAHKAN
SEKOLAH DAN
BERPULUH
BUAH RUMAH**
»13

Seikat golongan mudah terpengaruh daripada menyertai kumpulan pengganas IS - Perdana Menteri

UM - 1/10/2015

Pengganas online perlu dihapus

Baharom Mahusin
Melaporkan dari NEW YORK

NEW YORK 30 SEPT.

KEWUJUDAN 'pengganas online' yang menyokong kumpulan pengganas Islamic State (IS) yang kejam melalui dakyah-dakyah dalam internet dan media sosial perlu dihapuskan bagi menyekat golongan yang mudah terpengaruh daripada menyertai kegiatan kumpulan itu, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Berucap pada sidang kemuncak pemimpin Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai langkah memerangi ISIL dan keganasan ekstremisme di ibu pejabat PBB di sini semalam, Perdana Menteri memberitahu lebih 100 ketua negara dan kerajaan yang terlibat dalam mesyuarat itu bahawa usaha berfokus menentang naratif dan kegiatan online IS diperlukan.

Dalam mesyuarat yang diketuai oleh Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama itu, Najib berkata, negara-negara rantau Asia Tenggara kekurangan program menyeluruh untuk melaksanakan langkah memerangi Islamic State yang juga dikenali sebagai ISIL melalui sekatan-sekatan mesej online.

"Jadi kami perlu menanganinya dan usaha-usaha ke arah itu sedang dijalankan. Saya gembira untuk menyatakan bahawa Malaysia sedang aktif mengkaji kemungkinan menubuhkan Pusat Serantau Digital Memerangi Mesej Melalui Komunikasi," kata beliau dalam ucapannya.

Menurut Najib, usaha-usaha yang dilakukan setakat ini hanya sebahagian daripada tindakan yang perlu diambil bagi menyekat IS yang



NAJIB TUN RAZAK (tiga dari kiri) dan Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman (kiri) bersama pemimpin-pemimpin lima negara yang menyertai mesyuarat tertutup penyiasatan tragedi pesawat MH17 di New York, Amerika Syarikat, semalam.

menggunakan pendekatan yang sangat efektif dalam penyampaian mesej dan berkomunikasi.

"Apa yang dipanggil pengganas online telah dikerahkan (oleh IS) dan ia membawa kesan kemusnahan, memberi inspirasi kepada banyak golongan yang mudah terpengaruh, terdedah dan terasing untuk menyertai kumpulan mereka," katanya.

Dalam mesyuarat tersebut, ketua-ketua negara dan kerajaan kedua-dua negara dan kerajaan yang berhimpun di sini sempena Perhimpunan Agung PBB diberitahu bahawa pada masa ini dianggarkan terdapat 30,000 pejuang asing bergerak dalam IS di Syria dan Iraq dan sebahagiannya terjebak kerana terpengaruh dengan dakyah-dakyah IS.

Najib memberitahu, Malaysia sahaja telah memberkas lebih 100 rakyatnya yang didapati terlibat untuk ke Syria bagi menganggotai IS, sebuah kumpulan berfahaman

kejam yang menyeksa lelaki, wanita dan kanak-kanak yang tidak berdosanya.

Masyarakat dunia, kata Perdana Menteri, perlu memberikan pihak yang berada dalam IS suatu pilihan yang jelas: hentikan fahaman kebencian yang beracun, keganasan dan ekstremisme serta kembali ke jalan yang lurus, atau berdepan dengan akibatnya.

Beliau berkata, Malaysia secara sepenuhnya dan dengan jelas menolak sebarang cubaan untuk mengaitkan kejahatan dan kezaliman yang mereka lakukan dengan Islam.

"Kami mengutuk gambaran salah mereka mengenai 'Deen' apabila mereka secara terang-terangan mengatakan bahawa kejahatan sadistik, seksaan, dan pembunuhan lelaki, wanita dan kanak-kanak tidak berdosanya - sama ada Islam atau bukan Islam - adalah suatu justifikasi atas nama sebuah agama yang

sebenarnya penuh perdamaian, keadilan, toleran dan berperikemanusiaan," tegas beliau.

Najib menjelaskan, rantau Asia Tenggara tidak terkecuali daripada berhadapan ancaman itu, dan untuk menanganinya Malaysia telah mengambil langkah-langkah proaktif di peringkat nasional dan dalam struktur Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN).

Sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun ini, Malaysia akan menjadi tuan rumah dua mesyuarat peringkat menteri yang penting mengenai jenayah rentas sempadan, dan peningkatan radikalisme dan keganasan ekstremisme di Kuala Lumpur.

La akan diadakan dalam tempoh beberapa hari lagi sebelum diikuti perbincangan di peringkat ketua-ketua negara dan kerajaan ASEAN pada hujung tahun ini.

Di peringkat nasional di Malaysia, kata Najib, kerajaannya telah mengukuhkan rangka kerja perundangan dengan mengemaskini dan, di mana perlu, menggubal perundangan baru.

"Kami juga mengambil langkah-langkah untuk mengukuhkan pentadbiran dan kapasiti operasi pihak berkuasa undang-undang yang relevan. Kita perlu membuat langkah penangkapan awal terlebih dahulu jika perlu, dan jika terdapat bukti yang tidak dapat disangkal, bagi menyelamatkan nyawa orang yang tidak berdosanya.

"Oleh kerana kami bernasib baik tidak mengalami serangan besar oleh pengganas di Malaysia, ada pihak kelihatan percaya bahawa kami tidak menderita daripada keganasan ini. Anggapan itu tidak betul, Kerja-kerja yang dijalankan oleh pihak berkuasa sebahagian besarnya tidak dihebahkan, atas sebab-sebab keselamatan.

"Pasukan memerangi terrorisme kami tidak henti-henti berusaha mengenal pasti golongan ekstremis yang cuba hendak pergi ke Timur Tengah melalui Malaysia dan telah menyekat mereka daripada memusnahkan kehidupan mereka sendiri dan kehidupan orang lain.

"Pasukan itu juga telah membaras lebih 100 orang yang disyaki mempunyai kaitan dengan IS. Ada juga yang cuba untuk membawa aktiviti kekejaman dan pengeboman ke Malaysia. Kita tidak bemarkan mereka berbuat demikian," ujar Najib.

Perdana Menteri berkata, kejayaan-kejayaan itu tidak mungkin dapat dicapai tanpa kolaborasi di peringkat antarabangsa.

Beliau melahirkan harapan untuk mendalamkan lagi kerjasama dengan negara-negara yang sehaluan, berkongsi maklumat risikan semasa, bekerjasama dengan pihak berkuasa tentera, polis dan sekuriti siber dalam menangani ancaman yang tersembunyi dan berbahaya.

"Saya percaya dengan penyer-taan dan sokongan, langkah ini akan menjadi satu benteng penting di barisan depan dalam usaha-usaha peringkat serantau untuk memperluaskan mesej-mesej anti-IS.

"Kerja ini amat-amat penting kerana pembohongan yang digunakan oleh IS adalah tersembunyi dan berbahaya," tegas Perdana Menteri yang memberikan contoh bagaimana IS menggunakan analogi palsu memusnahkan berhalwa di Kaabah pada zaman Nabi Muhammad bagi menjustifikasikan perbuatan mereka ke memusnahkan tapak-tapak bersejarah di Syria dan Iraq.

Najib percaya kesederhanaan, atau wasafiyah dalam Islam, dan nilai-nilai yang dikaitkan dengannya seperti kerendahan hati, perikemanusiaan dan sayang sesama insan merupakan nilai-nilai murni yang dapat membantu masyarakat dunia membanteras IS.

"Inilah nilai-nilai murni yang IS dan golongan ekstremis tidak ada sama sekali. Menceritakan semula kisah Islam sebenar yang menjunjung nilai-nilai murni itu adalah mustahak bagi mematahkan ekstremisme kerana ia akan menghentikan kekejaman salah yang golongan ini lakukan," katanya.

Perdana Menteri mengakhiri ucapannya dengan menegaskan: "Marilah saya katakan sekali lagi: Malaysia berdiri bersama-sama semua yang hadir hari ini untuk meng-gandakan usaha ini. Kami tidak akan benarkan penyamar mengotori nama satu agama yang dalam ajarannya yang sebenar - Jika ditafsirkan secara betul - merupakan cahaya kepada umat manusia."

Sementara itu, Presiden Obama menggesa para pemimpin dunia supaya bersatu memerangi IS dengan "mengalahkan ideologi mereka".

Tekanan ketenteraan, kata Obama, tidak cukup untuk menumpaskan kumpulan seperti IS atau ISIL.

-UTUSAN